

Tinjauan

Ekonomi dunia semakin mantap...

Ekonomi dunia pada tahun 2004 dianggar berkembang pada kadar 4.6%, iaitu hampir menyamai pertumbuhan ekonomi dunia yang mantap pada tahap 4.7% ketika permulaan alaf baru, merupakan kadar tertinggi dalam dua dekad yang lepas. Ekonomi dunia kembali pulih daripada kemelesetan pada tahun 2001, kesan peristiwa 11 September serta kesan buruk akibat wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) dan peperangan di Iraq dengan mencapai pertumbuhan menyeluruh ekonomi dunia. Pemulihan ini disokong oleh dasar monetari dan fiskal ekonomi utama dunia yang mendorong pertumbuhan. Ini telah berjaya memulihkan keyakinan dan menjana pertumbuhan ekonomi global.

Penguksuhan ekonomi global yang berterusan didorong terutamanya oleh perbelanjaan penggunaan yang mapan serta pertumbuhan eksport Amerika Syarikat (AS) dan Jepun. Di samping itu, ekonomi yang cergas di rantau Asia-Pasifik, khususnya China dan juga India, turut menyumbang ke arah penguksuhan ekonomi dunia. Seajar dengan perkembangan optimistik ini, inflasi dunia terus kekal pada paras yang rendah di sebalik kebimbangan terhadap kenaikan harga minyak.

Prestasi Perdagangan, Pelaburan dan Pasaran Kewangan

Prestasi perdagangan dan pelaburan menggalakkan sementara pasaran kewangan bercampur-campur...

Perdagangan dunia yang meningkat beransur-ansur memberi sumbangan besar kepada

pertumbuhan ekonomi dunia. Perdagangan dunia yang hampir tidak berkembang pada tahun 2001 (0.1%) telah beransur kukuh pada tahun-tahun berikutnya dan mencatat pertumbuhan 4.5% pada tahun 2003. Penguksuhan ini disokong oleh permintaan import yang kukuh daripada negara membangun Asia, negara peralihan dan AS. Perdagangan dunia dianggar bertambah kukuh pada tahun 2004 dengan kadar 6.8%, seajar dengan pertumbuhan global yang semakin menyeluruh.

Aliran masuk **pelaburan langsung asing (FDI)** global menunjukkan tren menurun selepas mencatat USD1,160.7 bilion pada tahun 2000. Aliran FDI global merosot 29% kepada USD823.8 bilion pada tahun 2001, apabila dunia mengalami kemelesetan ekonomi. Seterusnya, kadar tersebut merosot 20% kepada USD651.2 bilion pada tahun 2002, didorong oleh pertumbuhan ekonomi yang perlahan, kejatuhan harga di pasaran saham dan pengurangan projek penswastan di beberapa buah negara. Keadaan ini berterusan ke tahun 2003 apabila FDI dunia kekal pada paras USD653 bilion dengan negara maju berjaya menarik kemasukan FDI yang lebih tinggi berbanding negara membangun. Kadar peningkatan tertinggi dicatat oleh AS manakala aliran masuk ke Kesatuan Eropah (EU) merosot sedikit. Di kalangan negara membangun, negara di Afrika dan Asia-Pasifik mencatat kenaikan sementara aliran masuk ke negara di Amerika Latin dan Caribbean merosot.

Aliran masuk FDI dunia dijangka meningkat pada tahun 2004, didorong oleh penguksuhan ekonomi dunia, peningkatan keuntungan korporat, pemulihan aktiviti penyatuan dan pengambilalihan (M&A) serta pertambahan keyakinan pelabur. Ini disokong oleh tinjauan Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCTAD) ke atas 158 agensi penggalak pelaburan kebangsaan (IPA) pada suku pertama

JADUAL 3.1

Penunjuk-penunjuk Ekonomi Global 2003-2005

	KDNK benar (%)			Inflasi (%)			Pengangguran (%)		
	2003	2004 ¹	2005 ²	2003	2004 ¹	2005 ²	2003	2004 ¹	2005 ²
Dunia	3.9	4.6	4.4	3.7	3.7	3.5	6.2	t.d.	t.d.
Negara maju	2.1	3.5	3.1	1.8	2.0	1.9	6.6	6.4	6.3
Negara membangun	t.d.	t.d.	t.d.	6.1	5.7	5.0	t.d.	t.d.	t.d.
Negara perindustrian baru Asia	3.0	5.3	5.0	1.4	2.1	2.4	4.3	4.1	3.8

¹ Anggaran.

² Unjuran.

t.d. tiada data.

Sumber: IMF World Economic Outlook, April 2004 dan pelbagai sumber.

tahun 2004 yang menunjukkan IPA yakin nilai aliran masuk FDI akan lebih tinggi bagi tahun ini dan berikutnya. Negara maju seperti AS, Jerman, United Kingdom (UK) dan Perancis akan terus menjadi penyumbang utama FDI. China, yang terus menarik pelaburan, merupakan sumber FDI kelima terbesar dunia, mengambil alih kedudukan Jepun.

Corak aliran FDI juga dijangka tidak berubah dengan negara membangun menarik pelaburan dalam aktiviti pengeluaran. Destinasi pilihan para pelabur ialah Amerika Latin dan Caribbean, diikuti dengan Afrika dan Asia-Pasifik. Di negara maju, pelaburan dijangka bertumpu kepada perkhidmatan logistik dan sokongan lain, pengedaran dan jualan, penyelidikan dan pembangunan serta operasi ibu pejabat. Walaupun demikian, negara Asia-Pasifik sejak kebelakangan ini telah berjaya menarik perhatian syarikat multinasional untuk memindahkan lokasi operasi ibu pejabat ke rantau tersebut. Di kalangan negara membangun, India menjadi destinasi pelaburan yang semakin penting, dengan nilai pelaburan dijangka meningkat melebihi dua kali ganda daripada USD5,000 juta pada tahun 2003 kepada USD13,000 juta pada tahun 2008. Kaedah pelaburan juga dijangka tidak berubah, dengan sebahagian besar terdiri daripada pelaburan *greenfield* di negara membangun, dan M&A di negara maju.

Prestasi pasaran ekuiti utama pada tahun 2004 bercampur-campur, dipengaruhi terutamanya oleh kenaikan kadar faedah, kebimbangan terhadap

perkembangan geopolitik dan kenaikan harga minyak; serta kelembapan ekonomi China bagi rantau ini. Di kalangan bursa utama, prestasi pasaran ekuiti Jepun adalah yang terbaik disokong oleh prestasi ekonominya yang semakin pulih dengan Nikkei 225 mencatat keuntungan sebanyak 3.8% pada penghujung Ogos 2004. Di AS, indeks Dow mencatat tahap terendah bagi tahun 2004 pada awal Ogos berikutan laporan pertumbuhan pekerjaan yang lebih rendah dari jangkauan. Namun keyakinan pelabur kembali pulih selepas *Federal Reserve Board* (Fed) memberi jaminan semula bahawa kadar pertumbuhan ekonomi AS adalah seperti yang dijangkakan semasa pengumuman kenaikan kadar faedah. Di rantau Asia, bursa di Manila, Jakarta, Singapura, Kuala Lumpur dan Hong Kong mencatat prestasi yang lebih baik, sementara pasaran di Bangkok, Taipei dan Seoul mengalami kemerosotan, seperti di *Jadual 3.2*.

Dalam pasaran pertukaran asing, dolar AS mengukuh berbanding mata wang utama dunia bagi tempoh Februari hingga Mei 2004, apabila ekonomi AS kembali berkembang dan jangkauan bahawa dasar monetari akan diperketatkan sepanjang tahun ini. Selepas itu, nilai dolar AS turun-naik, dipengaruhi oleh beberapa perkembangan termasuk perubahan harga pasaran minyak, pengumuman data ekonomi AS serta jangkauan kadar pengetatan dasar monetari AS. Berbanding akhir tahun 2003, dolar AS meningkat 3.3% berbanding euro dan 1.8% berbanding yen tetapi merosot 1.3% berbanding pound, seperti di *Jadual 3.3*.

JADUAL 3.2

Prestasi Pasaran Saham Terpilih

Pasaran Saham/Indeks	1 September 1998	Akhir 2003	Akhir Ogos 2004	% Perubahan Berbanding	
				1 September 1998	Akhir 2003
DJIA, USA	7,827.43	10,453.92	10,173.92	30.0	-2.7
Nikkei-225, Jepun	14,369.63	10,676.64	11,081.79	-22.9	3.8
FTSE-100, UK	5,115.70	4,476.90	4,459.30	-12.8	-0.4
DAX, Jerman	4,791.81	3,965.16	3,785.21	-21.0	-4.5
CAC, Perancis	3,646.29	3,557.90	3,594.28	-1.4	1.0
HSI, Hong Kong	7,062.47	12,575.94	12,850.28	82.0	2.2
KOSPI, Korea Selatan	309.71	810.71	803.57	159.5	-0.9
TWSE, Taiwan	6,335.09	5,890.69	5,765.54	-9.0	-2.1
KLCI, Malaysia	262.70	793.94	842.04¹	220.5	6.1
STI, Singapura	823.33	1,764.52	1,918.34	133.0	8.7
SET, Thailand	211.09	772.15	624.59	195.9	-19.1
JCI, Jakarta	325.85	691.89	754.70	131.6	9.1
PCOMP, Filipina	1,191.76	1,442.37	1,579.83	32.6	9.5

¹ Pada 2 September 2004
Sumber: Bursa Malaysia.

JADUAL 3.3

Prestasi Tukaran Mata Wang Terpilih Berbanding USD

Mata Wang	Mata wang terpilih berbanding satu unit USD			% Perubahan Berbanding	
	2 September 1998	Akhir 2003	Akhir Ogos 2004	2 September 1998	Akhir 2003
Euro ¹	-	1.26	1.22	-	3.3
Dolar Hong Kong	7.75	7.76	7.80	-0.6	-0.5
Deutsche mark	1.75	1.55	1.61	9.1	-3.4
French franc	5.88	5.20	5.39	9.1	-3.4
Rupiah Indonesia	10,750.00	8,420.00	9,370.00	14.7	-10.1
Yen Jepun	136.98	107.22	109.17	25.5	-1.8
Won Korea	1,344.50	1,192.10	1,152.45	16.7	3.4
Ringgit Malaysia	3.80	3.80	3.80	0.0	0.0
Dolar Taiwan Baru	34.77	33.97	34.05	2.1	-0.2
Peso Filipina	43.04	55.54	56.16	-23.4	-1.1
Pound sterling ²	1.67	1.78	1.80	7.9	-1.3
Dolar Singapura	1.73	1.69	1.71	1.1	-1.2
Baht Thailand	40.55	39.62	41.63	-2.6	-4.8

¹ USD berbanding satu unit euro. Euro diperkenalkan pada Januari 1999.

² USD berbanding satu unit pound sterling.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Negara Maju

Keseluruhannya pemulihan melebihi jangkaan...

Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar di negara maju dianggar pulih dengan ketara iaitu 3.5% pada tahun 2004 (2003: 2.1%), didahului pertumbuhan teguh di AS dan pemulihan meluas di Jepun. Pertumbuhan di kawasan euro mulai mantap, sementara pertumbuhan di UK dijangka terus mengukuh, seperti di *Jadual 3.4*.

Bersandarkan momentum pertumbuhan yang kukuh sejak separuh tahun pertama 2003 dan penambahbaikan dalam produktiviti, KDNK benar di Amerika Syarikat (AS) berkembang kukuh pada 4.5% dalam suku tahun pertama 2004. Dibeibani oleh kelemahan perbelanjaan pengguna dan defisit perdagangan yang mengembang, kadar pertumbuhan menurun mendadak kepada 2.8% dalam suku kedua. Perbelanjaan pengguna, yang merangkumi hampir dua pertiga daripada keseluruhan aktiviti ekonomi, tumbuh pada kadar yang lebih perlahan iaitu 1.6% (Januari-Mac 2004: 4.1%) dengan perbelanjaan ke atas barangan seperti kereta dan perkakasan mendarat. Limpahan yang besar dalam import menyumbang kepada keadaan defisit perdagangan yang semakin membimbangkan. Sementara eksport dalam suku kedua tumbuh pada kadar perlahan iaitu 6.1% (Januari-Mac 2004: 7.3%), import meningkat sebanyak 14.1% (Januari-Mac 2004: 10.6%), menunjukkan permintaan luar negara terhadap barangan Amerika yang semakin berkurangan. Walaupun perbelanjaan pengguna lemah dan keadaan defisit dagangan semakin membimbangkan, pelaburan tetap dalam perniagaan mengukuh kepada 12.1% dalam suku tahun tersebut (Januari-Mac 2004: 4.2%) disumbang oleh perbelanjaan besar ke atas perisian dan peralatan, manakala pelaburan tetap dalam kediaman juga meningkat dengan kukuh sebanyak 14.7% (Januari-Mac 2004: 5%).

Ciri yang paling ketara bagi pertumbuhan ekonomi AS adalah kenaikan peluang pekerjaan dengan pertambahan 1.5 juta pekerjaan bukan perladangan sejak Ogos 2003. Bagaimanapun, jangkaan terhadap pertumbuhan pekerjaan yang berterusan tidak tercapai sepenuhnya.

JADUAL 3.4

Negara Maju: Penunjuk-penunjuk Utama Ekonomi 2003-2005

	2003	2004 ¹	2005 ²
Keluaran Dalam Negeri Kasar³ (%)			
Negara maju	2.1	3.5	3.1
Amerika Syarikat	3.1	4.5-4.7	3.5-4.0
Itali	0.3	1.2	2.0
Jepun	2.5	4.5	2.4
Jerman	-0.1	1.8	1.9
Perancis	0.2	1.8	2.4
United Kingdom	2.3	3.5	2.5
Kawasan euro	0.4	2.0	2.3
Inflasi (%)			
Negara maju	1.8	2.0	1.9
Amerika Syarikat	2.3	2.3	2.2
Itali	2.8	2.1	2.0
Jepun	-0.2	-0.4	-0.1
Jerman	1.1	1.0	0.9
Perancis	2.2	1.8	1.6
United Kingdom	1.4	1.6	1.8
Kawasan euro	2.1	1.7	1.6
Pengangguran (%)			
Negara maju	6.6	6.4	6.3
Amerika Syarikat	6.0	5.5	5.4
Itali	8.7	8.4	8.2
Jepun	5.3	4.9	4.9
Jerman	9.9	10.2	10.0
Perancis	9.3	9.4	9.1
United Kingdom	5.0	4.9	4.9
Kawasan euro	8.8	9.1	8.9
Imbangan Akaun Semasa (USD bilion)			
Negara maju	-241.9	-184.1	-191.7
Amerika Syarikat	-541.8	-495.8	-510.1
Itali	-13.1	-14.1	-9.2
Jepun	136.4	144.0	152.5
Jerman	57.5	82.7	73.9
Perancis	14.7	6.3	13.4
United Kingdom	-42.7	-46.3	-47.0
Kawasan euro	53.2	68.3	75.0

¹ Anggaran.

² Unjuran.

³ KDNK benar.

Sumber: IMF World Economic Outlook, April 2004 dan pelbagai sumber.

Pertumbuhan pekerjaan dengan purata bulanan hampir 300,000 dari Mac hingga Mei 2004 turun kepada 78,000 pada Jun dan terus merosot kepada 32,000 pada Julai. Pemulihan ekonomi AS yang mapan bergantung kepada pertumbuhan pekerjaan yang teguh, justeru meningkatkan pendapatan boleh guna dan seterusnya merangsang perbelanjaan pengguna. Oleh itu, pengumuman angka pertumbuhan pekerjaan bagi Julai yang menghampakan telah mencetuskan kejatuhan pasaran ekuiti AS ke paras terendah bagi tahun 2004. Pihak Fed masih optimistik dan mengekalkan unjuran pertumbuhan KDNK benar pada 4.5%-4.7% bagi tahun 2004, sungguhpun menyedari pertumbuhan output yang sederhana dan kelemahan dalam kadar pertumbuhan pekerjaan adalah akibat kenaikan sementara harga minyak. Bagi memastikan kestabilan harga sambil mengekalkan dasar monetari yang menyokong pertumbuhan, Fed menaikkan kadar sasaran dana persekutuan daripada 1.00% kepada 1.25% pada Jun, dan sekali lagi kepada 1.50% pada Ogos.

Aktiviti ekonomi kawasan euro (KDNK: USD8.5 trillion) terus meningkat selepas mencatat pertumbuhan KDNK yang memberangsangkan sebanyak 1.3% pada suku pertama tahun 2004 berbanding 0.7% pada suku akhir tahun 2003. Peningkatan ini didorong oleh pemulihan dalam perdagangan dunia dan peningkatan perolehan korporat dengan kadar faedah terendah dan stabil pada 2.00% sejak Jun 2003. Momentum pertumbuhan berterusan pada suku kedua, mencatat 2% berikutan kenaikan perbelanjaan isi rumah dan peningkatan jumlah ketibaan pelancong ke Perancis, peningkatan permintaan dalam negeri di Itali serta permintaan yang kukuh dari AS dan Asia ke atas barangan modal Jerman. Keyakinan perniagaan yang bertambah baik digambarkan oleh peningkatan permintaan dalam industri perkhidmatan termasuk perbankan, perniagaan, pelancongan, penyelenggaraan dan pengangkutan. Kadar faedah dikekalkan stabil pada Ogos untuk merangsang pemulihan ekonomi setelah adanya tanda-tanda limpahan daripada sektor eksport yang kukuh kepada ekonomi yang lebih luas.

Kawasan euro 12-negara dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih baik dari jangkaan walaupun tidak sekata di setiap kawasan,

didokong oleh dasar monetari yang menyokong pertumbuhan, persekitaran luaran yang lebih baik serta peningkatan dalam pelaburan perniagaan. Di Jerman, Perancis dan Itali, pembaharuan meluas ke atas tenaga buruh, kebajikan dan kesihatan serta potongan cukai juga dijangka meningkatkan lagi kecekapan dan produktiviti serta mengukuhkan daya saing. Penggunaan swasta yang menunjukkan tren menurun sejak tahun 2000 dan kekal mendatar sepanjang tahun 2003, dijangka beransur pulih sejajar dengan pendapatan boleh guna yang lebih tinggi dan prospek pekerjaan yang lebih baik. Kawasan euro dianggar mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 2% bagi tahun 2004 (2003: 0.4%), didorong oleh pemulihan ekonomi global yang menyeluruh selepas prestasi yang kurang menyelerah selama tiga tahun.

Pemulihan ekonomi Jerman yang didorong oleh eksport mencatat pertumbuhan KDNK melebihi jangkaan sebanyak 0.8% pada suku pertama tahun 2004 (Oktober-Disember 2003: 0%) setelah mengalami pertumbuhan kekal rendah selama tiga tahun berturut-turut. Pemulihan ini mengimbangi pengurangan berterusan perbelanjaan isi rumah dan perniagaan. Peningkatan pertumbuhan di AS dan Asia, terutamanya China sejak penghujung tahun 2003 merangsang permintaan ke atas peralatan modal, terutamanya mesin dan peralatan tenaga, yang rangkumi hampir separuh daripada eksport Jerman. Tambahan pula kadar faedah semasa yang rendah menguntungkan pelaburan dalam loji, mesin dan peralatan. Pertumbuhan suku kedua melonjak 1.5% berikutan peningkatan tempahan pengeluaran industri dan kilang selama tujuh bulan berturut-turut didorong oleh permintaan luaran dan peningkatan dalam keyakinan perniagaan. Walau bagaimanapun, ekonomi Jerman masih terdedah kepada perkembangan sektor luaran.

Usaha bersama sedang dijalankan bagi mempercepatkan konsolidasi fiskal serta menangani masalah struktur yang berlarutan dalam ekonomi melalui pelaksanaan pembaharuan ekonomi Agenda 2010. Sebagai ekonomi terbesar di kawasan euro yang menyumbang satu pertiga daripada pengeluaran, pembaharuan ini juga dijangka menjadi pemangkin kepada pertumbuhan keseluruhan

serantau. Bagi tahun 2004, ekonomi Jerman akan mendapat faedah daripada pengukuhan ekonomi global dengan semakan semula kadar KDNK benar daripada 1.6% kepada 1.8% (2003: -0.1%).

United Kingdom (UK), ekonomi kedua terbesar di Eropah, mencatat prestasi cemerlang memandangkan pertumbuhan berterusan selama 48 suku tahun menghasilkan kadar pengangguran di paras 4.8% iaitu yang terendah bagi tempoh 29 tahun dan kedua terendah selepas Jepun (4.6%), di kalangan negara G7. Kadar pertumbuhan KDNK benar semakin kukuh pada 3.4% bagi suku pertama tahun 2004 (Oktober-Disember 2003: 2.9%), diterajui oleh sektor perkhidmatan yang berdaya tahan yang menyumbang 70% kepada KDNK, sementara pengeluaran industri kekal lemah. Momentum pertumbuhan bertambah kukuh pada suku tahun kedua kepada 3.7% apabila sektor industri kembali pulih dengan pulangan yang besar dalam sektor pembuatan, perlombongan dan kuari. Dalam sektor perkhidmatan, sub sektor pengagihan, pengangkutan dan komunikasi, perkhidmatan perniagaan serta hotel dan restoran terus berkembang. Pengembangan serentak sektor industri dan perkhidmatan, yang merupakan pertama kali sejak tahun 1999, menunjukkan pertumbuhan menyeluruh dan seimbang dalam semua sektor. Seperti pada suku tahun terdahulu, momentum pertumbuhan juga disokong oleh perbelanjaan isi rumah, pelaburan swasta serta perbelanjaan kerajaan yang kukuh.

Walaupun kadar pengangguran kekal stabil sejak suku akhir tahun 2003 dan inflasi masih di bawah sasaran kerajaan sebanyak 2% (Jun 2004: 1.6%), terdapat kebimbangan mengenai hutang pengguna yang tinggi (satu trilion pound), serta permintaan perumahan melebihi penawaran. Kebimbangan ini telah menggerakkan *Bank of England*, bank pertama di kalangan empat bank pusat utama di dunia, mengetatkan dasar monetari melalui peningkatan kadar faedah sebanyak empat kali kepada 4.50% pada Jun 2004 (November 2003: 3.75%). Walau bagaimanapun, tanda aras kadar faedah tersebut telah dikekalkan pada Julai untuk menilai kesan

keseluruhannya ke atas perbelanjaan isi rumah dan harga rumah yang telah meningkat 22% sepanjang tahun lalu. Langkah tersebut juga bertujuan menangani kebimbangan sebelum ini berhubung kesan kelembapan ke atas sektor pembuatan yang menyumbang 20% kepada KDNK. Walau bagaimanapun, apabila terdapat tanda-tanda pemulihan di sektor pembuatan, kadar faedah dinaikkan lagi kepada 4.75% pada Ogos bagi memastikan pertumbuhan pesat tidak meningkatkan tekanan inflasi.

Pada tahun ini, ekonomi UK dianggar mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 3.5% (2003: 2.3%). Risiko kepada pertumbuhan termasuk harga minyak yang tidak menentu serta nilai pound yang semakin meningkat berbanding dengan nilai dolar AS.

Pertumbuhan pesat ekonomi Jepun baru-baru ini telah meningkatkan jangkaan bahawa ekonominya menuju ke arah pemulihan yang mapan. Pertumbuhan Jepun pada suku keempat tahun 2003 sebanyak 7.3% dan suku pertama tahun 2004 sebanyak 6.6% adalah yang tertinggi di kalangan negara G7. Pertumbuhan ini sebahagiannya didorong oleh ekonomi China dan AS yang kukuh, iaitu pasaran terbesar eksport Jepun manakala sebahagian lagi daripada pembaharuan struktur yang dilaksanakan selepas krisis hartanah terakhir. Usaha *Bank of Japan* (BOJ) mengekalkan kadar faedah jangka pendek menghampiri sifar sejak Februari 1999, diikuti dua tahun kemudiannya dengan langkah lebih ekstrim iaitu kelonggaran kuantitatif yang membolehkan bank mengaktifkan semula pemberian pinjaman juga telah membantu merangsangkan pertumbuhan ekonomi dan membendung kejatuhan harga pengguna.

Ekonomi Jepun terus berkembang bagi sembilan suku tahun berturut-turut, mencatat kadar tahunan 1.7% pada suku kedua tahun 2004, iaitu lebih rendah daripada yang dijangkakan terutamanya disebabkan pelaburan modal tidak meningkat. Statistik bulanan terkini menunjukkan pertumbuhan pengeluaran industri dan perbelanjaan isi rumah yang perlahan sementara eksport terus kukuh. Pengeluaran industri

meningkat 2.6% pada suku kedua berbanding suku pertama, iaitu peningkatan empat suku tahun berterusan sungguhpun ia jatuh dari Mei ke Jun sebanyak 1.3%. Perbelanjaan isi rumah meningkat 4.8% dari tahun ke tahun pada Mei untuk tujuh bulan berturut-turut tetapi merosot sedikit iaitu 1.3% pada Jun 2004. Pada separuh pertama tahun 2004, eksport kekal sebagai penjana utama kepada pertumbuhan, dengan peningkatan sebanyak 12.5% berikutan pertumbuhan ekonomi global yang merangsang permintaan terhadap produk elektronik.

Ekonomi dijangka terus berkembang sungguhpun terdapat tanda-tanda pertumbuhan yang perlahan. Penggunaan dijangka pulih dan kekal kukuh sepanjang tahun 2004 disokong oleh keadaan pasaran buruh yang semakin baik. Kajian suku tahunan Tindakan BOJ yang diumumkan pada Julai menunjukkan bahawa keyakinan perniagaan telah meningkat ke tahap tertinggi dalam masa 13 tahun, mengesahkan bahawa pemulihan ekonomi bagi dua tahun kebelakangan ini adalah seperti yang dijangkakan. Pelbagai jenis perniagaan, daripada konglomerat kepada syarikat hartanah dan restoran memberi gambaran optimis, mengukuhkan pandangan bahawa pemulihan adalah menyeluruh dan tidak terhad kepada sektor eksport yang merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan setakat ini. Berdasarkan kepada tinjauan yang lebih optimis ini, unjuran pertumbuhan KDNK adalah sebanyak 4.5% bagi tahun 2004 (2003: 2.5%).

Walaupun ekonomi telah pulih, masih terdapat sedikit tekanan deflasi, ternyata dari indeks harga pengguna asas seluruh negara yang masih turun. Oleh yang demikian, BOJ dijangka mengekalkan dasar kewangan yang longgar sehingga perubahan dalam indeks harga pengguna dari tahun ke tahun stabil pada paras melebihi sifar.

Pada masa hadapan pertumbuhan ekonomi terdedah kepada pertumbuhan yang perlahan di AS dan China serta kenaikan harga minyak. Penguatan perbelanjaan isi rumah dijangka membantu menangani sebarang kejutan luaran memandangkan penggunaan swasta menyumbang lebih separuh kepada KDNK Jepun.

Negara Membangun

Negara membangun bertambah penting dalam ekonomi global...

Kepentingan negara membangun dalam ekonomi dunia semakin ketara sejak kebelakangan ini, berasaskan prestasi cemerlang dari segi pertumbuhan KDNK benar dan perdagangan mengatasi negara maju. Negara membangun secara keseluruhannya dianggar merekod pertumbuhan yang memberangsangkan iaitu 6% pada tahun ini, berdasarkan prestasi China dan India yang mencatat pertumbuhan kukuh masing-masing pada kadar 9.7% dan 8.2%, pada suku pertama tahun 2004. China, dengan pertumbuhan yang cergas di samping kos buruh yang rendah dan pasaran domestik yang besar serta India dengan sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang berkembang maju merupakan dua negara penerima FDI yang terbesar di kalangan negara membangun. Bahkan, China telah mengatasi AS sebagai penerima FDI terbesar bagi tahun 2003.

Pertumbuhan stabil ekonomi Afrika dengan purata 3.8% setahun sejak tiga tahun kebelakangan ini, dianggar terus tinggi pada kadar 4.2% bagi tahun 2004 selaras dengan pemulihan ekonomi global. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh peningkatan pengeluaran minyak khususnya di Angola, Chad dan Equatorial Guinea. Faktor lain termasuk keadaan cuaca yang lebih baik, pelaksanaan dasar monetari serta fiskal yang menyokong pertumbuhan dan harga komoditi yang lebih tinggi.

Hemisfera Barat yang meliputi Amerika Latin, Caribbean, Amerika Tengah dan Mexico dianggar mencatat pertumbuhan 3.9% pada tahun 2004 (2003: 1.7%) berikutan eksport yang menggalakkan, pelaburan dalam negeri yang kukuh dan kadar faedah antarabangsa yang rendah. Ekonomi utama dalam kumpulan ini dijangka menunjukkan prestasi yang lebih baik, dengan Brazil mencatat pertumbuhan 3.5% (2003: -0.2%), Mexico 3.3% (2003: 1.3%) dan Chile 4.6% (2003: 3.3%). Sementara itu, pertumbuhan ekonomi Argentina walaupun sederhana tetapi dianggar masih tinggi sebanyak 5.5% (2003: 8.7%). Rantau ini terus berhadapan dengan

cabaran kadar pengangguran yang tinggi, jurang perbezaan pendapatan yang luas dan beban hutang luaran yang besar.

Negara Asia Timur

Pertumbuhan ekonomi Asia Timur dirangsang perdagangan intra-rantau...

Pertumbuhan di Asia Timur dijangka lebih menyeluruh dan kukuh sepanjang tahun 2004, berikutan persekitaran ekonomi luaran yang bertambah baik bermula pada separuh kedua tahun 2003 lanjutan pemulihan serentak global. Secara keseluruhannya, aktiviti ekonomi meningkat di kebanyakan negara di rantau ini, terutamanya Pertumbuhan Negara-negara Asia Tenggara serta China, Jepun dan Republik Korea (ASEAN+3) didorong oleh pengukuhan berterusan permintaan dalam negeri dan perdagangan intra-rantau yang memberangsangkan.

Ekonomi di Asia Timur dianggar mencatat pertumbuhan KDNK 7.3% pada tahun 2004 (2003: 6.5%) memandangkan pertumbuhan yang lebih menyeluruh di AS dan Jepun. Asas makroekonomi yang kukuh di rantau ini dicerminkan oleh kedudukanimbangan pembayaran yang mantap, rizab tukaran asing yang mencatat rekod melebihi USD1.3 trilion serta sektor perbankan dan korporat yang lebih teguh. Pengukuhan ini bersama kejayaan penyusunan semula selepas krisis kewangan telah meningkatkan lagi kredibiliti unjuran yang optimistik, seperti di *Jadual 3.5*.

Perkembangan ekonomi **China** yang konsisten pada kadar purata yang tinggi, sebanyak 8.1% bagi tempoh 2000-2003 telah mendorong perdagangan intra-rantau dan menyumbang kepada pertumbuhan serantau. Pertumbuhan ini telah menjurus kepada permintaan yang tinggi, antara lain keluli, simen dan otomobil, seterusnya mengakibatkan pelaburan berlebihan dalam industri tersebut. Sehubungan itu, kerajaan telah mengambil tindakan yang bersesuaian bagi mengawal ekonomi ke paras pertumbuhan yang lebih mapan pada kadar 7% bagi tahun 2004. Tindakan ini termasuk langkah-langkah pentadbiran seperti mengekang pelaburan tidak berhemat dan pengembangan kapasiti dalam

JADUAL 3.5

Ekonomi-ekonomi Asia Timur Terpilih: Penunjuk-penunjuk Utama Ekonomi 2003-2005

	2003	2004 ¹	2005 ²
Keluaran Dalam Negeri Kasar³ (%)			
China	9.1	7.0	8.0
Republik Korea	3.1	5.2	5.2-5.3
Inflasi (%)			
China	1.2	3.5	3.0
Republik Korea	3.5	3.7	3.4
Imbangan Akaun Semasa (% daripada KDNK)			
China	2.1	1.6	1.9
Republik Korea	2.0	1.5	0.9

¹ Anggaran.

² Unjuran.

³ KDNK benar.

Sumber: IMF World Economic Outlook, April 2004 dan pelbagai sumber.

sektor yang mengalami kemaruapan, mengetatkan pelaksanaan projek yang kurang perlu oleh kerajaan tempatan serta syarat pinjaman bank dan penggunaan tanah. Pada masa yang sama, langkah-langkah untuk memajukan sektor pertanian turut dilaksanakan.

Langkah-langkah tersebut sedikit sebanyak telah berjaya membendung tren pertumbuhan pelaburan berlebihan. Ini berdasarkan penunjuk ekonomi termasuk pelaburan aset tetap, pengeluaran industri, penawaran wang dan pinjaman bank yang menunjukkan tanda-tanda pertumbuhan perlahan sejak beberapa bulan lepas. Namun demikian, China terus mencatat pertumbuhan KDNK benar yang kukuh sebanyak 9.7% pada separuh pertama tahun 2004, didorong oleh peningkatan eksport sebanyak 36% dan jualan runcit barangan pengguna sebanyak 12.8%. Keberkesanan usaha kerajaan memperlambatkan pertumbuhan ekonomi secara beransur-ansur sebagaimana disasarkan, akan membantu ekonomi di Asia menyesuaikan dan mengelakkan dari kesan negatif kelembapan ekonomi yang berlaku secara mendadak.

Pertumbuhan ekonomi **Republik Korea** (Korea) kembali tinggi selepas krisis tahun 1997, menjadi negara contoh dengan pertumbuhan purata 7.4% setahun bagi tempoh 1999-2002. Walau bagaimanapun, kemelesetan ekonomi pada separuh pertama tahun 2003 menyebabkan pertumbuhan KDNK benar hanya berkembang 3.1% pada tahun 2003 dan ini menunjukkan bahawa masih terdapat kelemahan dalam ekonomi Korea. Ini termasuklah masalah kecairan dan kemampuan bayar oleh syarikat yang menawarkan kemudahan kad kredit berikutan dasar pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan penggunaan secara meluas serta masalah perhubungan perindustrian yang dihadapi oleh beberapa syarikat besar. Sungguhpun begitu, permintaan import yang tinggi dari China mencetus pertumbuhan eksport Korea yang kukuh sebanyak 39.6% dari tahun ke tahun kepada USD21,900 juta pada Jun 2004 terutamanya otomobil dan alat ganti, peranti elektronik, telekomunikasi tanpa wayar serta komputer. Pada masa yang sama, keluaran industri terus berkembang 12.3% pada Jun, mendorong KDNK benar melonjak kepada paras 5.4% pada separuh pertama tahun 2004.

Paras hutang isi rumah yang tinggi serta masalah ledakan kredit pada tahun 2003 terus menyusut keupayaan penggunaan seperti yang ditunjukkan oleh kemerosotan besar dalam sumbangan penggunaan kepada pertumbuhan KDNK benar. Penggunaan dalam negeri menyumbang kira-kira 50% kepada pertumbuhan KDNK benar pada tahun 2002 dan merosot kepada kurang 10% pada tahun 2003. Walau bagaimanapun, data terkini menunjukkan tanda-tanda awal pemulihan penggunaan dalam negeri dan perbelanjaan modal korporat dengan penjualan borong dan runcit mencatat pertumbuhan positif sebanyak 1.6% dan pelaburan bagi kemudahan terus meningkat sebanyak 7.9% pada Jun 2004.

Untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi, Kerajaan Korea telah membelanjakan jumlah terbesar setakat ini sebanyak USD75,900 juta untuk membantu pemungkir kad kredit, mengurangkan cukai ke atas kereta dan barangan mewah, di samping mengambil langkah menggalakkan pengwujudan pekerjaan dan menyokong perusahaan kecil dan sederhana serta

industri pembinaan. Langkah *Bank of Korea* menurunkan kadar faedah utama daripada 3.75% kepada 3.50% pada Ogos, mencerminkan kebimbangannya terhadap pertumbuhan ekonomi negara berikutan harga minyak yang semakin meningkat. Dengan langkah tersebut, kerajaan menjangka permintaan dan pelaburan dalam negeri akan meningkat pada separuh kedua tahun 2004 bagi mencapai pertumbuhan yang menggalakkan pada paras 5.2% tahun ini.

Ekonomi ASEAN, seperti negara Asia Timur yang lain, juga menunjukkan prestasi lebih baik pada tahun 2003, seperti di *Jadual 3.6*. Ini disokong oleh harga komoditi yang kukuh, eksport yang

JADUAL 3.6

Negara-negara ASEAN Terpilih: Penunjuk-penunjuk Utama Ekonomi 2003-2005

	2003	2004 ¹	2005 ²
Keluaran Dalam Negeri Kasar³ (%)			
Indonesia	4.1	4.8	5.4
Malaysia	5.3	7.0	6.0
Filipina	4.7	4.9-5.8	5.3-6.3
Singapura	1.1	8.0-9.0	3.0-5.0
Thailand	6.8	7.1	6.7
Inflasi (%)			
Indonesia	6.6	5.0	4.5
Malaysia	1.2	1.5	-
Filipina	3.1	3.9	4.0
Singapura	0.5	1.2	1.5
Thailand	1.8	2.2	1.3
Imbangan Akaun Semasa (% daripada KDNK)			
Indonesia	3.9	2.9	2.2
Malaysia	12.9	13.2	13.2
Filipina	2.1	1.6	0.8
Singapura	30.9	28.0	26.7
Thailand	5.6	4.4	2.3

¹ Anggaran.

² Unjuran.

³ KDNK benar.

Sumber: IMF World Economic Outlook, April 2004 dan pelbagai sumber.

WTO: Perkembangan Terkini

Pengenalan

Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang ditubuh bagi menggantikan Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) pada tahun 1995 ialah forum rundingan yang mana ahli-ahli berurusan dengan peraturan-peraturan berkaitan perdagangan. Peraturan-peraturan tersebut memastikan perdagangan berjalan atas dasar tiada diskriminasi dan boleh dijangka. Bagi memastikan perdagangan terus diliberalisasikan, faedah-faedah daripadanya akan menggalakkan pembangunan dan pembaharuan ekonomi. Sehubungan itu, perdagangan diakui oleh WTO sebagai satu alat penting bagi meningkatkan taraf hidup, memastikan guna tenaga penuh dan membangunkan penggunaan sumber dunia.

Kemajuan

Lapan pusingan rundingan telah berlangsung di bawah GATT, iaitu Geneva (1947), Annecy (1948), Torquay (1950), Geneva (1956), Dillon (1960-61), Kennedy (1964-67), Tokyo (1973-79) dan Uruguay (1986-94). Pusingan Uruguay telah menghasilkan Perjanjian Marrakesh yang melahirkan WTO.

WTO menyaksikan sektor pertanian buat pertama kalinya diletakkan dibawah peraturan perdagangan antarabangsa. Walau bagaimanapun, kemajuan yang tercapai adalah sedikit dan liberalisasi sektor ini masih minima terutama kerana perdagangan masih dilindungi. Banyak negara maju memberi subsidi yang tinggi kepada sektor pertanian dan mengenakan tarif yang melampau tingginya ke atas hasil pertanian yang penting bagi negara membangun. Negara membangun berpendapat bahawa mereka tidak mampu mengaut sepenuhnya faedah daripada pusingan Uruguay. Sementara itu, tekstil dan pakaian akan diliputi di bawah peraturan WTO mulai 1 Januari 2005.

Bagi memastikan liberalisasi perdagangan seterusnya meliputi semua sektor, khususnya pertanian, Menteri-Menteri Perdagangan WTO melancarkan satu pusingan baru rundingan perdagangan pelbagai hala di Doha pada November 2001. Dikenali sebagai Agenda Pembangunan Doha (DDA), satu daripada matlamat utama rundingan pusingan semasa ialah keperluan memberi perhatian kepada perkara-perkara mengenai pembangunan negara membangun.

Isu-Isu di bawah DDA

Isu-isu utama di bawah DDA ialah pertanian, akses pasaran produk bukan pertanian (NAMA), perkhidmatan, isu-isu pembangunan, peraturan berkaitan Perjanjian Anti-Lambakan, Perjanjian ke atas Subsidi dan Langkah-Langkah Timbal-balas dan perjanjian perdagangan serantau. Isu-Isu Baru, iaitu fasilitasi perdagangan, perdagangan dan pelaburan, perdagangan dan dasar persaingan dan ketelusan dalam perolehan kerajaan turut dimasukkan di bawah DDA.

Subsidi pertanian di negara maju masih menjadi isu yang menimbulkan perselisihan dalam WTO. Sektor ini menerima subsidi yang banyak dan membawa kepada pengherotan dan langkah perlindungan dalam perdagangan pertanian yang memberi kesan negatif kepada negara-negara membangun terutamanya yang sangat bergantung kepada pertanian untuk pembangunan ekonomi. Walaupun Perjanjian WTO Mengenai Pertanian menetapkan disiplin berhubung akses pasaran, bantuan dalam negeri dan subsidi eksport, pembaharuan yang bermakna tidak menjadi kenyataan terutamanya di kebanyakan negara maju yang masih mengekalkan tarif yang terlampau tinggi dan subsidi yang besar.

Isu-isu lain yang menjadi perselisihan adalah keempat-empat Isu Baru yang tidak mendapat sokongan dari banyak negara membangun. Peraturan-peraturan pelaburan dan dasar persaingan adalah dianggap isu bukan perdagangan, yang tidak sepatutnya berada dalam WTO. Ketelusan dalam perolehan kerajaan dilihat sebagai menghalang pembangunan dan objektif nasional, sementara fasilitasi perdagangan akan menjurus kepada kewajipan yang amat membebankan.

Persidangan Peringkat Menteri Selepas Cancun

Persidangan Peringkat Menteri di Cancun pada September 2003 menemui kebuntuan kerana isu pertanian tidak dapat diselesaikan. Tambahan pula, negara-negara membangun yang menentang Isu-isu Baru enggan berunding mengenai isu-isu tersebut walaupun EU menawar untuk menggugurkan dasar persaingan dan pelaburan dari agenda perundingan.

Persiapan menjelang Cancun juga menyaksikan pembentukan beberapa kumpulan negara membangun, diketuai oleh Brazil dan Malaysia yang memainkan peranan penting, masing-masing dalam perundingan pertanian dan Isu-isu Baru. Kumpulan-kumpulan ini, terutamanya mengenai pertanian, adalah untuk mengubah keseimbangan dalam perundingan antara negara maju dan membangun. Oleh yang demikian, perundingan tersebut tiada ketentuan sehingga inisiatif-inisiatif dari pihak tertentu menghasilkan momentum untuk mencari penyelesaian semasa Mesyuarat Majlis Am WTO di Geneva pada akhir Julai 2004.

Keputusan Mesyuarat tersebut telah mengembalikan perundingan DDA. Ahli-ahli telah sepakat mengenai Persetujuan Rangka Kerja bagi perundingan mengenai modaliti berhubung pertanian dan NAMA serta memulakan rundingan berhubung fasilitasi perdagangan.

Perjanjian mengenai pertanian mengesahkan persetujuan sebulat suara ahli-ahli untuk menghapuskan segala bentuk subsidi eksport pada satu tarikh akhir yang akan dipersetujui kelak. Negara-negara kaya juga diperlukan membuat pengurangan yang ketara dalam subsidi perladangan dalam negeri yang mengherot perdagangan.

Satu lagi aspek positif adalah kesedaran ahli-ahli terhadap usaha yang sia-sia bagi merunding Isu-Isu Baru terutama apabila banyak negara membangun menghadapi kesukaran berhubung isu-isu tersebut. Justeru, pelaburan, dasar persaingan dan ketelusan dalam perolehan kerajaan telah digugurkan daripada agenda DDA. Rundingan mengenai fasilitasi perdagangan telah dimulakan dengan modaliti yang memastikan negara membangun akan diberi bantuan teknikal yang perlu bagi melaksanakan komitmen di bawah perjanjian pada masa hadapan. Tanpa bantuan ini, negara membangun tidak akan diperlukan memenuhi kewajipan baru.

Mesyuarat Majlis Am seterusnya mengesahkan kemunculan Kumpulan 20 negara membangun sebagai satu pasukan yang berpengaruh dan positif dalam rundingan pertanian. Kemunculan Kumpulan ini menunjukkan bahawa negara membangun tidak boleh dipaksa untuk berunding mengenai isu-isu yang dianggap boleh menjejaskan kepentingan nasional mereka.

Sementara komitmen untuk menghapuskan subsidi eksport dan mengurangkan dengan ketaranya subsidi pertanian dalam negeri adalah perkembangan yang positif, terdapat kebimbangan terhadap beberapa aspek dalam Perjanjian ini seperti peruntukan yang kabur bagi pemotongan kadar tarif pertanian serta liberalisasi perdagangan bagi barangan industri. Secara keseluruhannya, rundingan

ini telah menghasilkan penunjuk arah bagi rundingan seterusnya. Cabarannya kini ialah bagaimana hendak memanfaatkan pencapaian ini.

Pakej Julai

Pakej Julai merangkumi perkara-perkara berikut:

Bagi *pertanian*, rangka kerja tersebut menyeru Ahli-ahli menghapuskan semua bentuk subsidi eskport pada satu tarikh sasaran yang akan ditentukan. Dokumen tersebut juga bersetuju yang tarif import pertanian yang tertinggi akan menghadapi pengurangan terbanyak, walaupun angkanya masih belum dipersetujui. Walau bagaimanapun, negara membangun dibenar mengekalkan tarif yang lebih tinggi untuk beberapa produk khas berdasarkan kriteria seperti keselamatan makanan, keselamatan mata pencarian dan keperluan pembangunan luar bandar. EU telah berikrar menghapuskan subsidi eksport tahunan bernilai tiga bilion euro, yang akan dipadankan dengan penghapusan perkara-perkara yang mengherotkan perdagangan di bawah kredit eksport dan program bantuan makanan AS.

Rangka kerja yang dipersetujui ini juga menuntut pembaharuan yang banyak dari segi akses pasaran bagi semua produk perladangan. Dalam hal ini, ahli WTO, kecuali yang termiskin, perlu membuat sumbangan. Persetujuan ini juga membenarkan negara melindungi sesetengah produk yang sensitif daripada persaingan import. Negara membangun akan mempunyai sasaran pengurangan tarif yang lebih rendah, jangka masa pelaksanaan yang lebih panjang serta peraturan yang lebih fleksibel bagi produk-produk sensitif dan khusus.

Bagi sektor *perkhidmatan*, ahli WTO telah bersetuju untuk menggiatkan rundingan bagi liberalisasi perdagangan perkhidmatan. Ahli yang masih belum membentangkan tawaran awal diminta berbuat demikian secepat mungkin. Penyerahan tawaran yang telah ditambahbaik telah ditetapkan pada bulan Mei 2005.

Mengenai *fasilitasi perdagangan*, rundingan akan menjurus kepada mempermudah lagi pelepasan barangan yang melalui pemeriksaan kastam yang mana kelewatan dan urusan dokumentasi menyebabkan tambahan 15% kepada kos eksport. Modaliti ini memperuntukkan kadar dan masa yang bersesuaian bagi dimasukkan ke dalam komitmen tersebut berdasarkan kapasiti pelaksanaan negara membangun dan kurang membangun, termasuk pemberian bantuan teknikal. Bagi Isu Baru yang lain – pelaburan, dasar persaingan dan ketelusan dalam perolehan kerajaan – telah dipersetujui bahawa isu-isu ini tidak akan menjadi sebahagian daripada DDA. Dalam hal ini, tidak akan ada perundingan berhubung isu-isu tersebut semasa Rundingan Doha.

Bagi *produk perindustrian*, rangka kerja telah tidak diterima sepenuhnya kerana kebimbangan negara membangun terhadap sesetengah perkara dalamnya. Sebagai tolak ansur, perkara-perkara tersebut telah diteliti dalam teks rangka kerja dan akan dibincangkan dalam rundingan mengenai modaliti. Walau bagaimanapun, teks keseluruhan menyediakan asas kepada pemotongan tarif yang ketara dan sekatan bukan tarif yang akan dipersetujui menerusi rundingan. Dalam hubungan ini, negara membangun diberi layanan istimewa dan berbeza yang berkemungkinan ditawarkan jangka masa pelaksanaan yang lebih panjang, di samping melaksanakan pengurangan tarif yang lebih rendah dan mengekalkan perlindungan tarif pada kadar yang terhad.

Negara membangun mungkin menghadapi beberapa kesulitan untuk mengambil bahagian dalam rundingan secara berkesan memandangkan tarikh akhir yang singkat dan garis panduan yang terbuka bagi perundingan pada masa hadapan. Sebagai contoh, dalam sektor perkhidmatan, keputusan bagi tarikh akhir untuk tawaran yang telah dikaji semula adalah tidak realistik kerana banyak negara membangun belum lagi mengemukakan tawaran awal disebabkan kesulitan teknikal dan kapasiti. Pada masa hadapan, kesulitan akan dihadapi dalam rundingan kerana terdapat kekaburan dalam sebahagian Perjanjian. Memandangkan majoriti ahli WTO adalah dari kalangan negara membangun, perkara-perkara mengenai pembangunan negara tersebut harus diberi keutamaan dalam rundingan. Tiada jaminan bahawa hanya liberalisasi akan menyumbang kepada pertumbuhan, pendapatan atau pembangunan di setiap negara membangun. Oleh yang demikian, WTO seharusnya menggunakan pendekatan yang lebih fleksibel dalam peraturannya bagi membolehkan setiap negara membangun menentukan skop, kadar dan masa untuk liberalisasi mengikut perancangan, pertimbangan dan jadual masing-masing.

Kesimpulan

Liberalisasi perdagangan di bawah WTO akan hanya bermakna sekiranya dipastikan bahawa negara membangun turut memperolehi bahagian daripada pertumbuhan perdagangan antarabangsa dan membantu pembangunan ekonomi mereka. Tiga perempat daripada 147 ahli WTO terdiri daripada negara membangun dan negara dalam peralihan ke ekonomi pasaran, justeru betapa perlunya keperluan dan kebimbangan mereka diberi keutamaan dalam proses liberalisasi dan penggubalan peraturan di bawah WTO. Rundingan DDA, dengan pembangunan sebagai objektif unggul, perlu menjamin berlakunya pembangunan. Liberalisasi yang akan terhasil daripada DDA perlu digerakkan ke arah menyediakan akses pasaran bagi barangan dan perkhidmatan yang penting kepada negara membangun. Tambahan, peraturan baru yang akan digubal perlu mengambil kira dasar bersesuaian agar tidak menghalang mereka daripada mencapai objektif pembangunan. Hanya selepas ini, akan terdapat kemajuan ke arah satu sistem perdagangan pelbagai hala yang saksama dan seimbang dengan memberi lebih faedah berbanding kos kepada negara membangun.

semakin meningkat dan permintaan dalam negeri yang lebih mantap terutamanya perbelanjaan dan pelaburan swasta. Perdagangan antara ASEAN dan China yang semakin meningkat sejak kebelakangan ini mencerminkan integrasi serantau yang rapat. Sebagai contoh, pada tahun 2003, peratusan jumlah perdagangan China dengan ASEAN-5 (Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand) telah meningkat dengan ketara kepada 9.2% (2001: 5.6%). Pada keseluruhannya, ekonomi ASEAN dianggar berkembang dalam lingkungan 5.5%-5.9% pada tahun 2004 (2003: 5%).

Prestasi ekonomi **Indonesia** yang mula mengukuh pada tahun 2003, sebahagian besarnya didorong perbelanjaan penggunaan swasta dan pertumbuhan eksport yang pesat berikutan pemulihan global serta harga komoditi yang

semakin meningkat. Penggunaan dalam negeri dijangka kekal cergas pada tahun 2004, disokong oleh ekonomi yang lebih kukuh, harga komoditi pertanian yang mapan, pengumuman mengenai kenaikan gaji kakitangan awam dan akses kepada kredit yang lebih mudah berikutan kadar faedah yang lebih rendah. Terdapat juga tanda peningkatan pelaburan dalam negeri, selaras dengan peningkatan aktiviti perniagaan terutamanya pengangkutan, telekomunikasi dan pembinaan. Kadar inflasi dijangka menunjukkan tren menurun kepada 5% pada tahun ini (2003: 6.6%) lanjutan hasil tuaian yang baik yang mengekang harga bahan makanan, di samping wujudnya lebih kapasiti dalam ekonomi. Faktor ini membantu mengurangkan kesan tekanan harga akibat perbelanjaan pilihanraya dan inflasi yang diimport ekoran nilai rupiah yang lemah.

Prestasi eksport petroleum dan bukan petroleum Indonesia sehingga kini bertambah baik (Januari-Mac 2004: 0.9%, April-Jun 2004: 8.8%) dengan isipadu minyak mentah yang dieksport meningkat bagi meraih keuntungan berikutan kenaikan harga minyak. Eksport bukan petroleum iaitu kayu dan palpa, bijih logam, mesin dan peralatan elektrik juga meningkat hasil permintaan China, Jepun dan Korea. Indonesia yang tidak lagi berada di bawah program Tabung Kewangan Antarabangsa mulai Disember 2003 dijangka berkembang 4.8% pada tahun 2004 (2003: 4.1%).

Pertumbuhan ekonomi **Filipina** mengukuh 6.4% pada suku pertama tahun 2004 dijana oleh prestasi eksport yang mantap serta peningkatan perbelanjaan swasta, pembentukan modal dan pengeluaran pertanian. Inflasi dijangka meningkat secara perlahan, mencerminkan kesan kenaikan harga minyak global ke atas kos pengangkutan dalam negeri dan tenaga serta kelemahan mata wang peso. Ekonomi Filipina dianggar mencatat pertumbuhan KDNK benar yang lebih tinggi, iaitu 4.9%-5.8% untuk tahun ini (2003: 4.7%), didorong oleh ekonomi global yang bertambah baik.

Ekonomi **Singapura** yang berasaskan eksport dijangka terus berkembang pesat dengan sokongan pemulihan ekonomi dunia, didorong oleh peningkatan permintaan global ke atas ICT serta eksport farmaseutikal dan barangan kesihatan. Permintaan luaran yang semakin kukuh dijangka mendorong pertumbuhan pelaburan dalam negeri apabila perbelanjaan modal oleh pengeluar peranti elektronik meningkat selaras dengan pemulihan pelaburan korporat global. Perdagangan berkaitan perkhidmatan dijangka berkembang pesat, begitu juga perkhidmatan kewangan yang mana aktiviti pertukaran mata wang asing, pengurusan dana dan pembiayaan korporat terus meningkat. Pertumbuhan global yang secara amnya lebih tinggi terus merancak aktiviti pelancongan di Singapura, seterusnya memulihkan sektor hospitaliti, pemborongan dan peruncitan ke paras sebelum wabak SARS.

Eksport yang berkembang 26.6% pada suku kedua berbanding 17.2% pada suku pertama 2004, dijangka menyumbang kepada peningkatan penggunaan kapasiti dalam negeri dan peluang pekerjaan, seterusnya memperkukuh permintaan dalam negeri. Kadar inflasi telah menunjukkan tren meningkat pada separuh pertama tahun ini berikutan tekanan permintaan kesan pengukuhan ekonomi dan kenaikan harga minyak. Walau bagaimanapun, kadar ini berada di paras yang rendah dan dianggar mencatat 1.2% bagi tahun ini (2003: 0.5%). Pertumbuhan KDNK Singapura bagi tahun ini diunjur melonjak sehingga 8%-9% (2003: 1.1%), iaitu yang tertinggi dalam tempoh empat tahun.

Ekonomi **Thailand** mencatat kadar pertumbuhan 6.5% pada suku pertama tahun 2004 berikutan persekitaran luaran yang lebih kukuh, permintaan pengguna yang mantap, peningkatan semula pelaburan swasta, pemulihan sektor pelancongan serta dasar fiskal dan monetari yang menyokong pertumbuhan. Pada tahun ini, harga minyak yang lebih tinggi terus menjadi cabaran kepada Thailand yang merupakan negara pengimport minyak di samping penularan wabak selesema burung dan kekacauan di Selatan Thailand. Kadar inflasi mencapai paras tertinggi dalam tempoh 66 bulan pada Julai 2004, iaitu 3.1% dari tahun ke tahun, susulan harga minyak yang tinggi, pengurangan subsidi harga runcit minyak, kemarau pada awal tahun 2004 yang mengakibatkan tekanan ke atas harga makanan, dan nilai baht yang lebih lemah. Walau bagaimanapun, berasaskan eksport yang mantap, momentum pertumbuhan Thailand dijangka berterusan pada paras 7.1% bagi tahun 2004 (2003: 6.8%).

Kerjasama Kewangan dan Perkembangan Perdagangan

Kerjasama kewangan serantau semakin akrab...

Krisis kewangan 1997/98 telah menyedarkan betapa perlunya kerjasama di peringkat

antarabangsa dan serantau dalam memastikan kestabilan kewangan serta meningkatkan lagi integrasi dan daya tahan ekonomi. Oleh yang demikian, Malaysia terus mengambil bahagian secara aktif dalam pelbagai forum di peringkat serantau dan antarabangsa, terutamanya ASEAN, Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Kerjasama Kewangan

Tumpuan ke arah kestabilan dan integrasi mapan...

Dalam usaha berterusan bagi memperkenalkan ASEAN sebagai sebuah rantau yang berpendirian sekata berhubung isu berkepentingan bersama, Menteri-Menteri Kewangan ASEAN terus memberi penekanan kepada usaha ke arah kepaduan serantau dan integrasi ekonomi. Pelbagai inisiatif semasa memberi tumpuan ke arah menggalakkan rundingan yang rapat berhubung dasar makroekonomi dan kewangan serta kerjasama erat dalam pasaran wang dan modal, cukai, insurans dan kastam. Bagi memperkukuhkan lagi kerjasama kewangan serantau, Program Tindakan Vientiane (2004-2010), akan dilancarkan oleh Ketua-ketua Negara ASEAN pada bulan November 2004. Program ini akan menggabungkan sasaran interim dalam *Roadmap for Financial and Monetary Integration ASEAN (RIA-Fin)* yang akan direalisasikan pada tahun 2020. Rangka rancangan keseluruhan ini meliputi liberalisasi sektor kewangan dan akaun modal, pembangunan pasaran modal dan kerjasama mata wang. Inisiatif kerjasama kewangan lain termasuk pemantauan aliran modal, penyediaan sokongan kecairan atau perkongsian rizab dan pembangunan pasaran bon.

Dalam bidang perkongsian rizab serantau, Pengaturan Swap Dua Hala (BSA) baru telah dimuktamadkan di bawah Inisiatif Chiang Mai (CMI). Bilangan BSA bertambah daripada 12 kepada 15 pada tahun ini, manakala nilai komitmen meningkat dari USD31.5 bilion kepada USD33.5 bilion. Kajian semula prinsip-prinsip

utama dan rangka kerja asas CMI sedang berjalan bagi menambah keberkesanan jangka panjang inisiatif ini.

Pembangunan pasaran bon terus diterokai di pelbagai forum, termasuk ASEAN+3, APEC dan Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik. Inisiatif Pasaran Bon Asia (ABMI) yang berasaskan prinsip penggunaan tabungan Asia untuk pelaburan di Asia bermatlamat memperdalamkan pasaran bon tempatan di ASEAN, China, Jepun dan Korea, di samping menggalakkan terbitan dan pelaburan merentasi sempadan. Beberapa kumpulan kerja sedang mengkaji pelbagai aspek ke arah penubuhan pasaran bon termasuk sekuriti bersandarkan aset, terbitan bon dalam mata wang tempatan, jaminan kredit serta penubuhan sistem penarafan kredit dan sistem penyelesaian. Sebagai salah satu program yang sedang dilaksanakan di bawah ABMI, Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada *Kuala Lumpur Bond Conference* bertemakan *Financing Economic Growth in Post-Crisis Asia* pada 29 Mac 2004.

Satu pencapaian penting oleh Menteri-Menteri Kewangan ASEAN ialah Seminar Pelabur-pelabur ASEAN yang dijadualkan di New York pada penghujung September 2004 untuk memperkenalkan ASEAN sebagai suatu kelas aset. Bertemakan *The Promise of ASEAN*, seminar ini merupakan usaha perintis Menteri-Menteri Kewangan ASEAN bersama-sama mempromosi ASEAN sebagai destinasi menarik bagi pelaburan portfolio dan modal.

Pada keseluruhannya, usaha ke arah integrasi ekonomi serantau adalah konsisten dengan matlamat bagi mewujudkan Masyarakat ASEAN menjelang tahun 2020 yang terdiri daripada Masyarakat Keselamatan ASEAN, Masyarakat Sosial ASEAN dan Masyarakat Ekonomi ASEAN. Dengan pengwujudan Masyarakat ASEAN, rantau ini akan menjadi pasaran dan pusat pengeluaran tunggal bagi pergerakan bebas barangan, perkhidmatan, buruh, modal, teknologi dan sumber produktif yang lain.

PERJANJIAN PERDAGANGAN BEBAS

Pengenalan

Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) semakin bertambah dari segi bilangan dan skopnya. Sekretariat Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) telah mengenal pasti kira-kira 250 perjanjian perdagangan serantau (RTA), sama ada antara dua negara ataupun beberapa negara, yang telah dilaksanakan atau sedang dalam rundingan. WTO menjangka bilangan ini akan mencapai 500 menjelang 2005.

Kecenderungan ke arah RTA dan FTA meningkat berikutan kegagalan rundingan WTO di Cancun pada tahun 2003. Negara-negara rantau Asia Tenggara bersaing untuk menandatangani FTA secara dua hala dan serantau, manakala kerajaan di Eropah, Amerika Utara dan Amerika Selatan memulihkan minat mereka untuk menandatangani FTA dengan negara membangun. Di kalangan negara-negara ASEAN, Thailand dan Singapura mendahului negara-negara lain dari segi bilangan FTA yang sedang dalam rundingan dan juga dalam perancangan, terutamanya Singapura, yang sedang merunding pelbagai perjanjian dengan kepantasan yang tiada bandingnya. AS telah menandatangani FTA dengan Singapura, di samping Perjanjian Rangka Kerja Perdagangan dan Pelaburan (TIFA) dengan Malaysia dan Thailand.

Selain FTA dua hala, terdapat banyak cadangan di rantau ini bagi mewujudkan FTA serantau dengan negara ketiga seperti ASEAN-*Closer Economic Relations*, ASEAN-China, ASEAN-Jepun, ASEAN-Korea, ASEAN-India, ASEAN-EU dan cadangan Amerika Syarikat (AS) untuk menubuhkan ASEAN-US *Initiative* (AUI) dengan matlamat ke arah menandatangani FTA antara AS dan negara-negara ASEAN yang berminat. RTA lain yang mana Malaysia menjadi ahli pertubuhan adalah Pertubuhan Persidangan Islam Sedunia (OIC), *Trade Preferential System* (TPS-OIC) dan D8 *Preferential Tariff Agreement* (D8-PTA).

Perbincangan berterusan sama ada FTA serantau dan dua hala menyumbang atau melemahkan sistem pelbagai hala WTO. Kajian menunjukkan bahawa FTA secara umumnya bermanfaat kepada negara yang menyertainya dengan mengurangkan sekatan perdagangan sesama mereka. Pada masa yang sama, mengikut definisi, FTA mendiskriminasi negara ketiga dengan memberi keutamaan kepada rakan FTA berdasarkan prinsip layanan istimewa tanpa berbeza (MFN) berbanding negara lain. Ini memberi asas kepada mereka yang mengatakan bahawa pengaturan sedemikian merupakan halangan yang menjejaskan sistem perdagangan pelbagai hala.

Penyokong FTA

Penyokong FTA mengemukakan alasan bahawa rundingan perjanjian dua hala dan serantau dapat diselesaikan dengan lebih cepat berbanding perjanjian global. Ini adalah benar apabila perintis idea baru liberalisasi FTA kemudiannya dipelbagaihalakan. FTA juga mencetus insentif kepada rantau dan negara lain untuk mengikuti langkah yang sama agar tidak ketinggalan dan dengan ini akan mempercepatkan proses perjanjian pelbagai hala global. Sehubungan ini, FTA boleh menjadi pemangkin dalam menggerakkan proses WTO ke hadapan. Sementara rundingan WTO selama ini lebih tertumpu kepada bidang-bidang tradisional seperti pertanian, barangan industri, harta intelek dan perkhidmatan, FTA meliputi banyak bidang baru seperti alam sekitar, perolehan kerajaan, pelaburan, kerjasama dan penambahbaikan perniagaan dan dasar persaingan. Ini menguatkan lagi hujah penyokong bahawa FTA boleh menjadi asas kepada rundingan pelbagai hala, iaitu setelah kumpulan kecil negara-negara selesai dengan subjek baru perdagangan, mereka tidak akan membantah kemasukan bidang baru ini ke dalam WTO.

Penentang FTA

Hujah paling kuat yang menentang perjanjian dua hala dan serantau ialah perjanjian seperti ini boleh membawa kepada perubahan haluan dan herotan perdagangan dan akhirnya menjejaskan sistem pelbagai hala kerana sifatnya yang mendiskriminasi negara lain. Contohnya, peraturan terpilih berdasarkan negara asal didapati menyekat pembangunan teknologi, jaringan dan usahasama pembuatan, serta menyebabkan perubahan haluan perdagangan melalui sekatan melampau kepada perolehan daripada negara ketiga.

Satu lagi kebimbangan ialah dunia akan terbahagi kepada tiga kumpulan besar serantau – Kawasan Perdagangan Bebas Benua Amerika (FTAA), Kesatuan Eropah yang semakin berkembang ke sempadan Rusia, dan Asia – dengan persaingan perdagangan menjangkau ke bidang politik dan keselamatan.

WTO dan FTA

Prinsip asas dalam sistem perdagangan pelbagai hala ialah pengurangan sekatan perdagangan harus digunakan berasaskan MFN kepada semua ahli WTO. Ini bermakna tiada ahli WTO yang harus didiskriminasi oleh rejim perdagangan ahli yang lain. Tetapi, Artikel XXIV di bawah Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) bagi perdagangan barangan dan Artikel V di bawah Perjanjian Am Mengenai Perdagangan Perkhidmatan (GATS) bagi perdagangan dalam perkhidmatan memperuntukkan pengecualian penting bagi peraturan ini, justeru membenarkan pewujudan FTA dan RTA. Secara asasnya, ini bermakna pengurangan sekatan perdagangan akan terpakai kepada negara yang menandatangani perjanjian tersebut.

Kesesuaian dengan WTO

Artikel XXIV GATT, bersama Persefahaman Pusingan Uruguay Mengenai Tafsiran Artikel XXIV GATT 1994, memperuntukkan kriteria WTO untuk penyesuaian FTA dan kesatuan kastam. Manakala Artikel V GATS mengawalselia penyesuaian perjanjian pengutamaan untuk sektor perkhidmatan. Syarat-syarat rasmi Artikel V GATT adalah seperti berikut:

- FTA didefinisikan sebagai satu kumpulan terdiri daripada dua atau lebih wilayah kastam yang mana duti atau lain-lain peraturan yang menyekat sebahagian besar perdagangan antara mereka dihapuskan bagi produk yang berasal dari wilayah terlibat.
- Kriteria 'sebahagian besar perdagangan' difahami sebagai mempunyai dimensi kualitatif dan kuantitatif, iaitu merangkumi 90% daripada keseluruhan perdagangan antara pihak tersebut, tanpa mengecualikan sektor utama. Harus diingat bahawa kriteria 'sebahagian besar perdagangan' hanya digunakan bagi produk yang tertakluk kepada liberalisasi perdagangan penuh.
- Perjanjian asimetri, di mana pelaksanaan keutamaan tidak semestinya bertimbal-balik. Contohnya, satu pihak dibenarkan tempoh yang lebih lama berbanding pihak lain dalam melaksanakan keutamaan tertentu.

Manakala bagi perdagangan perkhidmatan, Artikel V GATS membenarkan ahli WTO mengadakan perjanjian keutamaan dalam perdagangan perkhidmatan tertakluk kepada pematuhan keperluan substantif dan prosedur iaitu:

- Perjanjian tersebut seharusnya merangkumi sebahagian besar sektor perkhidmatan dari segi bilangan sektor, jumlah perdagangan yang terbabit dan kaedah pembekalan. Tiada sektor perkhidmatan atau kaedah pembekalan boleh dikecualikan secara *a priori*.

- Perjanjian harus menyediakan peruntukan *standstill*, iaitu tidak ada langkah-langkah diskriminasi baru diwujudkan sementara langkah-langkah sedia ada harus dihapuskan samada pada masa penguatkuasaan perjanjian tersebut atau mengikut jadual yang munasabah.

Sejak penubuhan WTO pada 1995, tiada sebarang perjanjian integrasi ekonomi pernah diuji tentang kriteria-kriteria tersebut.

Jenis-Jenis Pengaturan Perdagangan

Terdapat dua jenis pengaturan perdagangan di bawah WTO, iaitu kesatuan kastam dan kawasan perdagangan bebas.

Kesatuan Kastam

Di bawah kesatuan kastam, pihak yang menandatangani perjanjian menghapuskan tarif dan sekatan perdagangan yang lain sesama mereka tetapi mengekalkan tarif luaran bersama ke atas pihak yang tidak menandatangani. Pengaturan-pengaturan ini lebih rumit untuk dirunding berbanding kawasan perdagangan bebas kerana kesemua negara dalam kesatuan perlu bersetuju dengan dasar perdagangan luaran bersama. Sungguhpun begitu, ada kemungkinan wujudnya faedah yang besar disebabkan pengaturan tersebut secara amnya membawa kepada integrasi ekonomi yang lebih utuh di kalangan negara-negara terbabit. Kesatuan Eropah (EU) ialah satu contoh kesatuan kastam.

Kawasan Perdagangan Bebas

Pihak-pihak yang menandatangani perjanjian kawasan perdagangan bebas menghapuskan tarif dan sekatan perdagangan yang lain sesama mereka. Walau bagaimanapun, setiap negara mengekalkan dasar tarif masing-masing terhadap pihak yang tidak terlibat dalam perjanjian ini. Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) merupakan contoh kawasan perdagangan bebas.

Isu-Isu dalam FTA

Negara-negara membangun yang lewat menyertai RTA dan FTA, terutamanya dengan negara-negara maju, mendapati mereka mengalami kerugian memandangkan perjanjian baru adalah berdasarkan contoh perjanjian terdahulu. Ini menimbulkan kesulitan kepada banyak negara membangun yang mendapati mereka terikat dengan peruntukan yang melampaui keupayaan dan kebolehan mereka.

Bilangan FTA yang banyak juga mengakibatkan kerumitan dan pertindihan (*spaghetti effect*). Hubungan FTA antara kumpulan dan negara yang berlainan akan merumitkan lagi sistem perdagangan antarabangsa. Sebagai contoh, sekiranya semua rundingan antara 21 ekonomi APEC berjaya, akan terdapat 80 FTA/RTA dalam suatu tempoh walaupun potensi sebenar ialah 190 FTA/RTA.

Di sempadan-sempadan negara, perjanjian-perjanjian ini berkemungkinan menyulitkan peraturan mengenai tarif dan perdagangan. Ini memandangkan peraturan tersebut melibatkan rakan dagang yang berlainan di bawah pengaturan yang berbeza tetapi bagi produk yang sama. Peningkatan bilangan peraturan negara asal yang berbeza-beza telah meningkatkan kos perdagangan di samping menimbulkan halangan kepada fasilitasi perdagangan dengan meningkatkan kerumitan pentadbiran kastam. Dalam pasaran global kini, dengan syarikat-syarikat bergantung kepada kepantasan penyerahan barangan dan komponen daripada pelbagai sumber luar negara, kesan-kesan ini boleh membebankan para peniaga.

Selain itu, masa dan usaha bagi rundingan dan pelaksanaan siri FTA dua hala dan tiga hala berkemungkinan mengalihkan sumber yang terhad daripada pusingan pelbagai hala WTO. Tambahan pula, terdapat kebimbangan bahawa peluang mengecualikan sektor yang sensitif dalam perjanjian-perjanjian sebegini berkemungkinan menggalakkan sesetengah negara dagangan utama semakin memberi keutamaan kepada keutamaan alternatif berbanding pendekatan pelbagai hala liberalisasi perdagangan, justeru mengeneppikan WTO.

Kelebihan FTA

FTA dan RTA yang digubal sewajarnya, boleh melengkapkan WTO dan membantu merangsang liberalisasi perdagangan global. Pada masa yang sama, pengaturan secara khusus antara dua rakan dagang dapat mengenal pasti perkara-perkara yang khusus seperti isu-isu berkaitan dengan pergerakan tenaga buruh dan pelaburan.

Banyak kerajaan turut menggunakan FTA sebagai mekanisma bagi melaksanakan pembaharuan dalam negeri, terutamanya dalam keadaan di mana kerajaan sedang melaksanakan pembaharuan struktur yang penting. Contohnya, sesebuah negara mungkin menggunakan rundingan FTA untuk mempercepatkan pembaharuan sektoral yang khusus atau pembaharuan ekonomi/perdagangan secara amnya. Dengan kata lain, peraturan-peraturan yang dirunding di bawah FTA akan menguatkan kepatuhan terhadapnya.

Satu lagi faedah penting FTA ialah pengwujudan pasaran yang lebih luas bagi produk dan perkhidmatan, serta kemungkinan rangkaian pengeluaran yang lebih meluas. Ini jelas terutamanya bagi negara yang pasarannya kecil dan amat bergantung kepada perdagangan. Melalui FTA, negara-negara menikmati perluasan akses pasaran kepada input kos rendah dan barangan siap. Selain itu, kecekapan pengeluaran dapat dipertingkatkan lagi melalui pengalihan sumber kepada bidang yang lebih produktif. Tambahan, pasaran yang lebih besar membolehkan firma-firma mendapat kekuatan daripada ekonomi berskala tanpa menukarkan ekonomi skala demi persaingan. Perkara ini dilihat sebagai pendorong utama kepada rundingan yang sedang berjalan untuk memuktamadkan FTA antara ASEAN-China, ASEAN-India dan ASEAN-Jepun. Bagi EU, Ireland merupakan contoh terbaik sebuah negara yang mendapat manfaat daripada keahlian dalam EU. Ireland telah menarik syarikat multinasional yang kemudian menggunakannya sebagai pelantar eksport ke seluruh Eropah.

Bagi negara-negara kecil, FTA menyediakan pengalaman yang diperlukan untuk berunding dalam proses yang lebih besar. Pengwujudan persefahaman dapat dicapai dengan lebih cepat dalam RTA, manakala rakan dagang dua hala juga bersedia untuk lebih berani dalam liberalisasi perdagangan. FTA berperanan sebagai medan percubaan atau projek perintis untuk meneroka isu-isu perdagangan yang rumit dan menjadi penanda aras tauladan untuk rundingan perdagangan yang melibatkan jumlah negara yang lebih besar, termasuk pada peringkat pelbagai hala. Perkara ini dapat dilihat terutama dalam kes-kes terkini FTA yang menjangkau perdagangan barangan dan perkhidmatan untuk menghasilkan bidang dan isu-isu tambahan yang melangkaui WTO, serta isu-isu perdagangan terdahulu yang dikenali sebagai 'disiplin' yang memasuki dasar dalam negeri seperti percukaian dan langkah-langkah berkaitan pendaftaran dan keperluan kelayakan.

Banyak negara yang merupakan ahli RTA kerap menggunakan pendekatan FTA dua hala untuk mengatasi masalah *convoy*. FTA dua hala antara rakan-rakan yang berfikiran sama dalam sesebuah perjanjian serantau adalah dilihat sebagai satu cara untuk mengatasi kadar integrasi perdagangan yang perlahan kerana dilambatkan oleh ahli yang kurang rela (*least willing member*). Contohnya, 'two-speed ASEAN', di mana sesetengah negara ingin bergerak lebih pantas sementara yang lain, pada kadar yang lebih perlahan.

Sejajar dengan Matlamat Bogor untuk membuka rantau Asia Pasifik kepada perdagangan bebas dan aliran kewangan menjelang tahun 2020, Menteri-Menteri Kewangan APEC telah membincangkan keperluan untuk mengamalkan dasar makroekonomi yang bersesuaian. Dasar ini bertujuan mencapai pertumbuhan yang mapan, menyeluruh dan seimbang di samping memanfaatkan sepenuhnya peluang yang wujud hasil keterbukaan tersebut. Peranan dasar fiskal sebagai langkah kitaran balas berdasarkan keadaan sesebuah negara telah dikaji dengan mendalam. Selain itu, kepentingan rangka kerja peraturan dan institusi yang mantap turut diakui untuk meningkatkan daya tahan sesebuah ekonomi dalam suasana pergerakan modal yang lebih bebas.

Penglibatan aktif Malaysia dalam inisiatif APEC berhubung pembangunan keupayaan dan peningkatan kemahiran ternyata apabila Malaysia menjadi tuan rumah kepada dua dialog dasar iaitu *Transparency in the Financial Sector* dan *Deposit Insurance* yang diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Februari 2004. Dialog dasar mengenai ketelusan sektor kewangan membincang dan meneliti kepentingan pendedahan kewangan berkualiti tinggi dalam sektor kewangan dan korporat serta cara menggalakkan pendedahan tersebut. Dialog dasar kedua pula membincangkan isu yang melibatkan syarikat insuran deposit. Isu-isu tersebut merangkumi perlindungan undang-undang dan jaminan gantirugi pekerja syarikat insuran deposit dan lain-lain peserta jaringan keselamatan sosial sistem kewangan, pengurusan urus tadbir dan hubungan antara peserta jaringan keselamatan sosial, di samping mekanisma amaran untuk tindakan pembedahan segera apabila berurusan dengan institusi penerima deposit yang bermasalah.

Malaysia telah mempengerusikan dua Kumpulan Penasihat iaitu bagi mengawal selia bank dan sekuriti di bawah *Financial Regulators Training Initiative* (FRTI) yang bertujuan menyediakan latihan menyeluruh untuk manfaat penyelia dan pengawal peringkat rendah serta pertengahan di sektor kewangan. Kumpulan Penasihat tersebut telah bermesyuarat di Manila pada 19 Julai 2004 bagi mengatur hala tuju FRTI selepas September 2003. Seterusnya dalam *Corporate Governance*

Pathfinder Initiative, Malaysia telah berpeluang mengenengahkan usaha yang dilakukan dalam aspek pendedahan dan pengawalan korporat serta pencapaian negara dalam melatih dan mendidik pengarah-pengarah syarikat senaraian awam.

Perkembangan Perdagangan

Tumpuan kepada liberalisasi aliran perdagangan...

Liberalisasi perdagangan global adalah salah satu objektif utama penubuhan WTO pada tahun 1995. Usaha mewujudkan sistem perdagangan pelbagai hala berasaskan peraturan saksama bagi mempermudah perdagangan antarabangsa dipertingkatkan dengan aktiviti ekonomi yang berkembang pesat dalam era globalisasi. Mesyuarat Majlis Am WTO di Geneva pada bulan Julai tahun ini telah mempersetujui rangka kerja bagi meneruskan perbincangan dan rundingan akibat kegagalan Persidangan Peringkat Menteri di Cancun pada tahun 2003. Negara maju dan membangun telah bersetuju dengan rangka kerja Agenda Pembangunan Doha yang menggariskan hala tuju masa hadapan perdagangan global barangan dan perkhidmatan. Antara komitmen dalam perkhidmatan kewangan, negara anggota bersetuju berusaha untuk mencapai liberalisasi secara beransur ke peringkat yang lebih tinggi. Rangka kerja yang telah dipersetujui ini akan menjadi asas kepada rundingan seterusnya, khusus berkaitan penghapusan atau pengurangan subsidi dan tarif, dan dijangka meningkatkan penyertaan di kalangan negara membangun dan negara peralihan.

Kegagalan Mesyuarat Peringkat Menteri WTO di Cancun telah mengembalikan kecenderungan rundingan perjanjian perdagangan bebas dua hala dan serantau (FTA/RTA) yang mengakibatkan bertambahnya jumlah perjanjian tersebut. Menyedari faedah yang boleh diperolehi, Malaysia juga memulakan langkah merunding beberapa FTA dan RTA.

Usaha meliberalisasi sektor kewangan serantau di bawah Perjanjian Rangka Kerja Sektor Perkhidmatan ASEAN (AFAS) dijalankan secara

berterusan, begitu juga dengan usaha meliberalisasi akaun modal. Pada pusingan ketiga rundingan AFAS, anggota ASEAN berusaha mengenal pasti sub sektor dan perkhidmatan yang sama untuk diliberalisasikan sebagai tambahan kepada komitmen di bawah Perjanjian Am Mengenai Perdagangan dan Perkhidmatan (GATS). Liberalisasi akaun modal pula tertumpu kepada penilaian rejim akaun modal setiap negara supaya dapat mengenal pasti langkah yang sesuai dan berhemat ke arah penyediaan program negara.

Prospek 2005

Pertumbuhan ekonomi global terus berkembang walaupun sederhana...

Momentum pertumbuhan ekonomi global pada tahun 2005 dijangka perlahan sedikit kerana ekonomi utama mengetatkan dasar monetari bagi menangani tekanan inflasi. Kebimbangan tentang kemungkinan harga minyak melambung tinggi serta kelembapan ekonomi China dan AS adalah

faktor lain yang boleh mempengaruhi pertumbuhan ekonomi dunia.

Di sebalik ketidakpastian ini, pihak Fed dijangka mengambil pendekatan bersesuaian dalam menaikkan kadar faedah. Mengenai kenaikan harga minyak pula, langkah Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Minyak untuk meningkatkan bekalan kepada 26 juta tong sehari mulai 1 Ogos 2004 akan membantu mengawal kenaikan harga. Sehubungan itu, pertumbuhan di AS dianggar sederhana kepada 3.5%-4% (2004: 4.5%-4.7%), negara membangun serta pasaran baru pada kadar 5.9% (2004: 6%), sementara pertumbuhan di Jepun pula dianggar meningkat 2.4% (2004: 4.5%). Sebaliknya, pemulihan di kawasan euro dianggar terus mengukuh dengan pertumbuhan KDNK benar 2.3% (2004: 2%) berikutan peningkatan permintaan dalam negeri secara beransur dibantu oleh persekitaran pembiayaan kewangan yang menggalakkan. Secara keseluruhannya, pertumbuhan global dianggar pada 4.4% pada tahun 2005 (2004: 4.6%).